

15 SEP 2001

Taib-IT

PELAJAR SARAWAK PERLU KUASAI KEMAHIRAN IT, KATA TAIB

SIBU, 15 Sept (Bernama) -- Pelajar Sarawak kini perlu berusaha gigih bagi menguasai kemahiran teknologi maklumat (IT), kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini.

Beliau berkata ini adalah kerana nasib mereka pada masa depan akan bergantung sama ada mereka mempunyai keupayaan untuk menggunakan teknologi tinggi dalam semua bidang.

Separuh daripada kerja pada masa itu akan memerlukan kemahiran seumpama itu, katanya pada perhimpunan sempena sambutan harijadi ke-80 Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammed Salahuddin Abang Barieng di Stadium Tun Zaidi di sini.

"Oleh itu, kita perlu menyesuaikan sistem pendidikan kita mulai sekarang bagi membolehkan generasi muda kita celik komputer dan mendapatkan lebih banyak pengetahuan teknikal, elektronik dan saintifik," katanya.

Abdul Taib berkata kerajaan negeri berterima kasih kepada kerajaan pusat kerana bersetuju mewujudkan 200 sekolah bestari di seluruh negeri.

"Saya telah mendapat kelulusan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memulakan enam buah sekolah itu dalam tahun ini dengan sebuah telah didirikan dan beroperasi sejak minggu lepas di Kuala Oya," katanya.

Beliau menyifatkan bantuan seumpama itu sebagai tepat pada masanya dan selaras dengan aspirasinya.

Abdul Taib menggesa ibu bapa dan ketua masyarakat untuk terus memupuk minat membaca dan sentiasa ingin mengetahui benda baru di kalangan pelajar.

Mengenai pembangunan, beliau berkata masalah penduduk luar bandarnya yang tinggal bertaburan merupakan sebab kenapa kawasan tertentu seperti kawasan tengah agak ketinggalan jika dibandingkan dengan kawasan lain.

Atas sebab itu, kerajaan negeri akan mencuba pendekatan baru dengan membangunkan beberapa tempat di kawasan itu iaitu dari Balingian ke Selalang dan dari Entabai ke Kanowit, katanya.

"Diharapkan pendekatan ini akan membantu mempercepatkan usaha kami dalam membangunkannya," katanya.

-- BERNAMA

ESS RHM